

PENTING/ PENAFIAN

INI MERUPAKAN PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET SANDARAN DAN BUKANNYA PRODUK DEPOSIT.

DOKUMEN INI HANYA SAH SEMASA TEMPOH TAWARAN AWAL

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memohon dan memutuskan untuk menerima Akaun-i Pelaburan Dinamik (“DIA-i”) Global Sukuk. Sila pastikan juga untuk membaca terma dan syarat am.

**NAMA PRODUK:
 AKAUN-i PELABURAN DINAMIK
 (“DIA-i”) GLOBAL SUKUK**

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

Produk ini mengenai apa?

Kontrak Syariah yang Terpakai

- Wakalah bi al-Istithmar. Ini merupakan kontrak di antara Pemegang Akaun Pelaburan, sebagai *muwakkil* (wang pokok) (“IAH”) dan Maybank Islamic Berhad (“Bank”) sebagai *wakil* IAH (ejen) (“Ejen”) yang dimasukkan ke dalam, untuk tujuan pelaburan. IAH menyediakan dana pelaburan dan melantik/membenarkan Bank sebagai ejennya untuk menjalankan dan menguruskan aktiviti pelaburan, di mana sebagai pulangan, Bank akan menerima bayaran untuk perkhidmatan yang disediakan.
- Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian dan/atau ganti rugi kewangan, kecuali kerugian dan/atau ganti rugi tersebut adalah disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma tertentu oleh Bank.

Jenis Pelaburan

- Ini merupakan akaun pelaburan tanpa sekatan yang dikenali sebagai DIA-i Global Sukuk, di mana IAH memberi mandat kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan tanpa menenetapkan sebarang sekatan atau syarat tertentu.
- DIA-i Global Sukuk akan dilaburkan ke dalam portfolio pelaburan dengan sekuriti yang boleh dipasarkan (aset Sukuk) dan aset pembiayaan patuh Syariah untuk mencapai objektif pelaburan.

Pihak yang Terlibat, Peranan dan Tanggungjawab

- Pihak-pihak yang terlibat di dalam pelaburan ini adalah IAH dan Bank, di mana:
- IAH (*Muwakkil*) akan melantik Bank sebagai ejennya (*Wakil*), secara terus atau melalui pemegang amanah yang dilantik, dan IAH akan memberi mandat dan membenarkan Bank untuk bertindak sebagai Pengurus Pelaburan bagi menguruskan dana pelaburan dan melaksanakan aktiviti pelaburan patuh Syariah untuk IAH.
 - Bayaran dan caj berkaitan akan ditolak terlebih dahulu daripada dana pelaburan yang diterima oleh Bank daripada IAH sesuai dengan bayaran dan caj yang telah dipersetujui seperti yang tercatat di dalam terma dan syarat untuk DIA-i Global Sukuk.

	<ul style="list-style-type: none"> • Dana pelaburan (selepas penolakan bayaran dan caj berkaitan) kemudiannya akan dilaburkan ke dalam portfolio pelaburan DIA-i Global Sukuk, terdiri daripada Aset Pembiayaan yang akan diuruskan oleh Bank dan aset Sukuk dibenarkan yang akan diuruskan oleh pengurus dana luaran seperti yang dilantik oleh Bank. • Pulangan yang dijana daripada pelaburan akan diagihkan kepada IAH secara tahunan (atau pada mana-mana tempoh lain yang akan ditentukan oleh Bank) berdasarkan untung yang diperolehi yang dijana oleh Bank. • Pelaburan ini terikat dengan prestasi aset sandaran; dan wang pokok pelaburan serta pulangnya tidak dijamin oleh Bank.
--	--

KESESUAIAN PRODUK

KESESUAIAN PRODUK	
Produk ini sesuai untuk siapa?	
Jenis Pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> • Semua golongan, individu
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif DIA-i Global Sukuk adalah untuk memberi pulangan yang stabil melalui pelaburan berisiko sederhana dengan ruang lingkup pelaburan jangka masa sederhana.

CIRI PRODUK UTAMA

CIRI PRODUK UTAMA	
Apakah yang saya laburkan?	
Strategi Pelaburan	DIA-i Global Sukuk bertujuan untuk memberi pulangan yang munasabah kepada IAH melalui pelaburan di dalam peruntukan gabungan ke dalam aset Sukuk dan Aset Pembiayaan Bank bagi mencapai objektif pelaburan di dalam parameter pelaburan.
Pengurus	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan di dalam Aset Pembiayaan akan diuruskan oleh Bank. • Pelaburan di dalam Sukuk akan diuruskan oleh pengurus dana luaran yang dilantik oleh Bank, berdasarkan proses saringan dalaman Bank yang menekankan kemampuan pengurus dana luaran dalam menguruskan pelaburan dengan strategi pelaburan yang sama.
Tempoh Pemegangan Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan terbuka • Tiada sekatan terhadap IAH ke atas tempoh pemegangan pelaburan/ tempoh pelaburan, tempoh tambah nilai atau tempoh penebusan.
Pemegang Amanah	<ul style="list-style-type: none"> • Maybank Trustees Berhad adalah pemegang amanah dan penjaga yang dilantik bagi aset DIA-i Global Sukuk dan untuk melindungi kepentingan IAH.
Tarikh Pelancaran	<ul style="list-style-type: none"> • 22 April 2024
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Semua golongan, individu

Pelaburan Awal Minimum	<ul style="list-style-type: none"> • Individu, : RM 1,000 																											
Jumlah Tambah nilai Minimum	<ul style="list-style-type: none"> • Individu, : RM 100 																											
Had Pelaburan Maksimum	<ul style="list-style-type: none"> • Semua golongan: Tiada 																											
Saiz DIA-i Global Sukuk Minimum	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz agregat minimum DIA-i Global Sukuk adalah RM50,000,000 menjelang atau sebelum tamat Tempoh Tawaran Awal, jika gagal DIA-i Global Sukuk akan terbatal dan tawaran IAH masing-masing akan akan dibayar balik kepada IAH. 																											
Tempoh Tawaran Awal	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh tawaran awal adalah sehingga empat puluh (40) hari kalendar dari permulaan tarikh tempoh tawaran awal. Bank berhak untuk memendekkan tempoh tawaran awal atas budi bicara Bank jika dianggap bermanfaat kepada IAH. <p><i>*Catatan: Bank berhak untuk tidak memulakan pelaburan jika Saiz DIA-i Global Sukuk Minimum sebanyak RM50,000,000 tidak dicapai pada akhir Tempoh Tawaran Awal. Jika ia berlaku, Bank akan membayar balik jumlah wang pokok kepada IAH masing-masing di dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari kalendar. Bayaran balik adalah pada kos pelaburan IAH dan tidak termasuk sebarang bayaran pengatur yang telah dibayar kepada Bank semasa proses tersebut</i></p>																											
Contoh Pengiraan Keuntungan	<p>Pengiraan Keuntungan di bawah adalah untuk tujuan gambaran sahaja dengan andaian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tawaran pelaburan dilakukan oleh golongan individu, maka Bayaran Tahunan yang boleh dikenakan adalah pada 1.00% p.a. 2. Harga Nilai Aset Bersih Harian (“NAV”) pada waktu pembelian adalah RM 1.00. 3. Pengiraan Keuntungan adalah secara tahunan (“p.a.”). <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2">Pengiraan Jumlah Pelaburan Bersih IAH</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2">Jumlah Pelaburan IAH</td> <td>10,050</td> </tr> <tr> <td>Caj Jualan (satu kali, per tawaran pelaburan)</td> <td style="text-align: center;">-0.50%</td> <td style="text-align: center;">-50</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Jumlah Pelaburan Bersih IAH</td> <td>10,000</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2">Pengiraan Keuntungan IAH (p.a.)</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2">Jumlah Pelaburan Bersih IAH</td> <td>10,000</td> </tr> <tr> <td>(a) Keuntungan Kasar</td> <td style="text-align: center;">4.50%</td> <td style="text-align: center;">450</td> </tr> <tr> <td>Bayaran Pengurusan Tahunan (p.a.) kepada pengurus</td> <td style="text-align: center;">-1.00%</td> <td style="text-align: center;">- 104.50</td> </tr> <tr> <td>Keuntungan Bersih IAH (p.a.)</td> <td style="text-align: center;">3.50%</td> <td style="text-align: center;">345.50</td> </tr> </tbody> </table>	Pengiraan Jumlah Pelaburan Bersih IAH		Jumlah (RM)	Jumlah Pelaburan IAH		10,050	Caj Jualan (satu kali, per tawaran pelaburan)	-0.50%	-50	Jumlah Pelaburan Bersih IAH		10,000	Pengiraan Keuntungan IAH (p.a.)		Jumlah (RM)	Jumlah Pelaburan Bersih IAH		10,000	(a) Keuntungan Kasar	4.50%	450	Bayaran Pengurusan Tahunan (p.a.) kepada pengurus	-1.00%	- 104.50	Keuntungan Bersih IAH (p.a.)	3.50%	345.50
Pengiraan Jumlah Pelaburan Bersih IAH		Jumlah (RM)																										
Jumlah Pelaburan IAH		10,050																										
Caj Jualan (satu kali, per tawaran pelaburan)	-0.50%	-50																										
Jumlah Pelaburan Bersih IAH		10,000																										
Pengiraan Keuntungan IAH (p.a.)		Jumlah (RM)																										
Jumlah Pelaburan Bersih IAH		10,000																										
(a) Keuntungan Kasar	4.50%	450																										
Bayaran Pengurusan Tahunan (p.a.) kepada pengurus	-1.00%	- 104.50																										
Keuntungan Bersih IAH (p.a.)	3.50%	345.50																										

	<p>Semua pengiraan adalah untuk tujuan gambaran sahaja dan kadar keuntungan <u>tidak dijamin.</u></p>
Kaedah Bayaran Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> Keuntungan/pulangan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/ Akaun Simpanan/ Akaun Pelaburan Mudarabah IAH yang diselenggarakan dengan Maybank Islamic Berhad. Keuntungan/pulangan ini tidak akan dilaburkan semula ke dalam DIA-i Global Sukuk.
Kekerapan Agihan Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> Agihan keuntungan dijangka akan dibayar secara tahunan, jika ada dan tertakluk kepada prestasi aset pelaburan sandaran.
Penghantaran Permintaan Penebusan	<ul style="list-style-type: none"> Bagi sebarang permohonan penebusan yang diterima atau dianggap telah diterima oleh Bank sebelum waktu penggalan pada 2.30 petang pada mana-mana Hari Perniagaan, DIA-i Global Sukuk akan terbatal berdasarkan NAV DIA-i Global Sukuk setakat pada titik penilaian selepas permintaan penebusan DIA-i Global Sukuk diterima dan disetujui oleh Bank. Permohonan yang diterima atau dianggap telah diterima oleh Bank selepas waktu penggalan pada 2.30 petang pada mana-mana Hari Perniagaan, akan dianggap sebagai diterima pada Hari Perniagaan berikutnya. <p><i>Catatan: Sila rujuk laman web Maybank2u (www.maybank2u.com.my) untuk maklumat terkini.</i></p>
Kaedah Bayaran Penebusan	<ul style="list-style-type: none"> Bank akan membayar hasil penebusan kepada IAH pada T* + 7 hari kalendar. Jumlah penebusan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/ Akaun Simpanan/ Akaun Pelaburan Mudarabah yang IAH selenggarakan dengan Maybank Islamic. <p><i>Catatan: *T adalah hari di mana permintaan/permohonan untuk menebus dianggap telah diterima oleh Bank. Bagi kedua-dua penciptaan dan penebusan DIA-i, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang penangguhan atau kerugian yang ditanggung jika berlakunya:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pemindahan Elektronik Masa Nyata Dana dan Sekuriti (RENTAS) mengalami masalah; (ii) Sebarang kiriman wang yang tidak berpadanan dengan permintaan dengan segera; (iii) Butiran yang tidak tepat (iaitu nombor kad pengenalan, nombor akaun dll.) yang diberi oleh IAH; atau (iv) Situasi di luar kawalan Bank atau Penjaga.
Tempoh Bertenang	<ul style="list-style-type: none"> IAH mempunyai hak bertenang untuk memperoleh bayaran balik bagi pelaburannya ke dalam DIA-i Global Sukuk jika IAH meminta untuk melakukannya di dalam tempoh bertenang. Tempoh bertenang adalah sejumlah dua (2) Hari Perniagaan bermula dari tarikh permohonan pelaburan diterima oleh Bank. Waktu penggalan bagi sebarang permohonan pelaburan adalah 2.30 petang pada mana-mana Hari Perniagaan. Permohonan yang diterima atau dianggap telah diterima oleh Bank selepas waktu penggalan pada 2.30 petang pada mana-mana Hari Perniagaan, akan dianggap telah diterima pada Hari Perniagaan berikutnya.

	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran balik untuk pelaburan IAH menurut penggunaan hak bertenang adalah jumlah: <ul style="list-style-type: none"> (i) Harga NAV pada waktu pembelian pelaburan; dan (ii) Caj jualan yang dikenakan ke atas jumlah pelaburan yang dibeli. • Bayaran balik akan diberi kepada IAH dalam masa tujuh (7) hari kalendar dari penerimaan permohonan bertenang. 								
Saluran Tersedia untuk Menjalankan Urus Niaga (iaitu Pelaburan, Tambah Nilai, Penebusan atau Penukaran)	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi pelanggan Bank baharu atau sedia ada: Di kaunter (OTC) di mana-mana cawangan Maybank/ Maybank Islamic. 								
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi mencapai objektif pelaburan DIA-i Global Sukuk, pengurus dana luaran yang dilantik oleh Bank boleh melabur sehingga lima puluh peratus (50%) daripada NAV DIA-i Global Sukuk dalam Sukuk patuh Syariah yang berpotensi untuk memenuhi pulangan tahunan indikatif yang disasarkan oleh DIA-i Global Sukuk. • Walau apa pun dan untuk manfaat IAH, sehingga seratus peratus (100%) daripada NAV DIA-i Global Sukuk juga boleh dilaburkan di dalam aset pembiayaan Bank patuh Syariah yang diuruskan oleh Bank dan dalam aset cair termasuk instrumen pasaran wang patuh Syariah yang dikeluarkan oleh pengeluar Malaysia dan institusi kewangan Malaysia dan tawaran dalam deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan Malaysia. <table border="1" data-bbox="472 1193 1445 1509"> <thead> <tr> <th>Peruntukan yang Dibenarkan</th> <th>Jenis Aset</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sehingga 50% daripada NAV DIA-i Global Sukuk</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Sukuk patuh Syariah </td> </tr> <tr> <td>Sehingga 100% daripada NAV DIA-i Global Sukuk</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Aset cair patuh Syariah termasuk instrumen pasaran wang patuh Syariah dan tawaran dalam deposit patuh Syariah </td> </tr> <tr> <td>Sehingga 100% daripada NAV DIA-i Global Sukuk</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Aset Pembiayaan patuh Syariah </td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Catatan: Aset pembiayaan termasuk pembiayaan runcit Bank (Pembiayaan Amanah Saham, Pembiayaan Rumah, Pembiayaan Auto, Pembiayaan Peribadi, Kad Kredit) dan pembiayaan bukan runcit (Pembiayaan SME, Pembiayaan Perbankan Perniagaan dan Pembiayaan Korporat).</i></p>	Peruntukan yang Dibenarkan	Jenis Aset	Sehingga 50% daripada NAV DIA-i Global Sukuk	<ul style="list-style-type: none"> • Sukuk patuh Syariah 	Sehingga 100% daripada NAV DIA-i Global Sukuk	<ul style="list-style-type: none"> • Aset cair patuh Syariah termasuk instrumen pasaran wang patuh Syariah dan tawaran dalam deposit patuh Syariah 	Sehingga 100% daripada NAV DIA-i Global Sukuk	<ul style="list-style-type: none"> • Aset Pembiayaan patuh Syariah
Peruntukan yang Dibenarkan	Jenis Aset								
Sehingga 50% daripada NAV DIA-i Global Sukuk	<ul style="list-style-type: none"> • Sukuk patuh Syariah 								
Sehingga 100% daripada NAV DIA-i Global Sukuk	<ul style="list-style-type: none"> • Aset cair patuh Syariah termasuk instrumen pasaran wang patuh Syariah dan tawaran dalam deposit patuh Syariah 								
Sehingga 100% daripada NAV DIA-i Global Sukuk	<ul style="list-style-type: none"> • Aset Pembiayaan patuh Syariah 								

Pulangan Tanda Aras	<p>Tanda aras untuk DIA-i Global Sukuk adalah agregat 12 bulan Akaun-i Pelaburan Am (“GIA-i”) kadar keuntungan indikatif setahun dan pulangan harga tahunan Indeks 7-10 tahun Perbendaharaan AS. Pulangan tanda aras akan mempertimbangkan perkara berikut: -</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pulangan setahun adalah indikatif dan tidak dijamin. Ia hanya merupakan langkah untuk membandingkan prestasi DIA-i Global Sukuk; • Bagi perbandingan dengan tanda aras, kadar pulangan wajaran masa akan digunakan; dan • DIA-i Global Sukuk menasaskan untuk mencapai bayaran keuntungan ditahunkan melebihi tanda aras. 																																				
Pengiraan Nilai Aset Bersih (“NAV”)	<p>Pengiraan NAV di bawah adalah untuk tujuan gambaran sahaja dengan andaian bahawa:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengiraan dan Pulangan ditunjukkan secara tahunan dan pengiraan yang ditunjukkan untuk NAV harian akan dikira berdasarkan kiraan (1/365 hari). 2. Saiz Dana Pelaburan Total yang dilaburkan di dalam DIA-i Global Sukuk adalah RM 100,000,000.00, yang terdiri daripada ‘(A) 50% Pelaburan dalam Aset Pembiayaan dan ‘(B) 50% Pelaburan dalam Sekuriti Boleh Dipasarkan (Sukuk)’ <p>(A) Pelaburan dalam Aset Pembiayaan</p> <table border="1" data-bbox="456 1131 1458 1615"> <thead> <tr> <th colspan="2">Pulangan daripada Pelaburan dalam Aset Pembiayaan</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2">Saiz Dana Pelaburan</td> <td>50,000,000</td> </tr> <tr> <td>Hasil Kasar daripada Aset Pembiayaan (p.a.)</td> <td>4.00%</td> <td>2,000,000</td> </tr> <tr> <td>Peruntukan Kemerosotan (p.a.)</td> <td>-0.50%</td> <td>-250,000</td> </tr> <tr> <td>Pendapatan Lain (p.a.)</td> <td>0%</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Hasil Bersih daripada Aset Pembiayaan (p.a.)</td> <td>3.50%</td> <td>1,750,000</td> </tr> <tr> <td>Hasil Bersih daripada Aset Pembiayaan (secara harian)</td> <td>3.50%</td> <td>4,795</td> </tr> </tbody> </table> <p>(B) Pelaburan dalam Sekuriti Boleh Dipasarkan (Sukuk)</p> <table border="1" data-bbox="456 1709 1458 2022"> <thead> <tr> <th colspan="2">Pulangan daripada Pelaburan dalam Sekuriti Boleh Dipasarkan (Sukuk)</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2">Saiz Dana Pelaburan</td> <td>50,000,000</td> </tr> <tr> <td>Pulangan daripada Pelaburan dalam Sukuk</td> <td>4.50%</td> <td>2,250,000</td> </tr> <tr> <td>Liabiliti</td> <td>0%</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Pendapatan Lain</td> <td>0%</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table>	Pulangan daripada Pelaburan dalam Aset Pembiayaan		Jumlah (RM)	Saiz Dana Pelaburan		50,000,000	Hasil Kasar daripada Aset Pembiayaan (p.a.)	4.00%	2,000,000	Peruntukan Kemerosotan (p.a.)	-0.50%	-250,000	Pendapatan Lain (p.a.)	0%	0	Hasil Bersih daripada Aset Pembiayaan (p.a.)	3.50%	1,750,000	Hasil Bersih daripada Aset Pembiayaan (secara harian)	3.50%	4,795	Pulangan daripada Pelaburan dalam Sekuriti Boleh Dipasarkan (Sukuk)		Jumlah (RM)	Saiz Dana Pelaburan		50,000,000	Pulangan daripada Pelaburan dalam Sukuk	4.50%	2,250,000	Liabiliti	0%	0	Pendapatan Lain	0%	0
Pulangan daripada Pelaburan dalam Aset Pembiayaan		Jumlah (RM)																																			
Saiz Dana Pelaburan		50,000,000																																			
Hasil Kasar daripada Aset Pembiayaan (p.a.)	4.00%	2,000,000																																			
Peruntukan Kemerosotan (p.a.)	-0.50%	-250,000																																			
Pendapatan Lain (p.a.)	0%	0																																			
Hasil Bersih daripada Aset Pembiayaan (p.a.)	3.50%	1,750,000																																			
Hasil Bersih daripada Aset Pembiayaan (secara harian)	3.50%	4,795																																			
Pulangan daripada Pelaburan dalam Sekuriti Boleh Dipasarkan (Sukuk)		Jumlah (RM)																																			
Saiz Dana Pelaburan		50,000,000																																			
Pulangan daripada Pelaburan dalam Sukuk	4.50%	2,250,000																																			
Liabiliti	0%	0																																			
Pendapatan Lain	0%	0																																			


	Pulangan Bersih daripada Pelaburan dalam Sukuk (p.a.)	4.50%	2,250,000
	Pulangan Bersih daripada Pelaburan dalam Sukuk (secara harian)	4.50%	6,164
NAV Harian			
	Pengiraan NAV Harian		Jumlah (RM)
	Saiz Dana Pelaburan		100,000,000
	Hasil daripada Aset Pembiayaan	3.5% p.a	4,795
	Pulangan daripada Pelaburan dalam Sukuk	4.5% p.a.	6,164
	Jumlah	4.00% p.a	10,959
	NAV Harian sebelum bayaran		100,010,959
	Bayaran Pengurusan Tahunan (kepada Pengurus)	-1.00%	-2,740
	Bayaran Pemegang Amanah Tahunan	0.05%	-137
	NAV Harian selepas bayaran		100,008,082
	Harga NAV		1.0001
	Pulangan Prestasi (%)		0.01%
<i>Catatan: Semua pengiraan adalah untuk tujuan gambaran dan tidak menandakan sebarang pulangan terjamin yang diberi oleh Bank</i>			
Perlindungan oleh PIDM	<ul style="list-style-type: none"> • Produk ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). 		

Apakah hasil yang berkemungkinan bagi pelaburan saya?

- IAH mungkin berpotensi untuk menerima keuntungan yang lebih tinggi berbanding tanda aras 12 bulan Akaun-i Pelaburan Am (“GIA-i”) kadar keuntungan indikatif setahun dan pulangan harga tahunan Indeks 7-10 tahun Perbendaharaan AS.

a) Prestasi dan Uji Semula

DIA-i Global Sukuk Iwn. Tanda Aras



	2018	2019	2020	2021	2022	Purata
Kadar Keuntungan Kasar DIA-i Global Sukuk (p.a.)	5.33%	5.06%	5.23%	2.67%	-0.83%	3.49%
Tanda Aras (p.a.)	1.25%	4.74%	5.31%	-1.06%	-6.91%	0.66%

- Data prestasi yang disimulasikan mewakili Kadar Keuntungan Kasar p.a. (sebelum bayaran pengurusan, bayaran pemegang amanah), berdasarkan pulangan protfolio yang dihasilkan oleh DIA-i Global Sukuk pulangan sejarah.
- Prestasi terdahulu tidak mencerminkan prestasi masa hadapan.
- Sumber: Bloomberg dan Maybank.

b) Ujian Senario

Pulangan yang dipaparkan di atas dikira berdasarkan rekod prestasi sejarah bagi aset sandaran, iaitu 50% aset pembiayaan Bank dan 50% Sukuk (peruntukan aset mungkin berbeza-beza dari masa ke masa bergantung pada keadaan pasaran). Ini adalah dana terbuka, iaitu, julat pendapatan tahunan jangkaan hanyalah indikatif sepenuhnya berdasarkan tempoh pemegang selama 12 bulan bagi ujian senario sahaja dan tertakluk kepada keadaan pasaran lazim dan NAV produk pada waktu pelaburan IAH.

c) Keuntungan dan Kerugian Masa Hadapan yang Berkemungkinan

Simulasi ke atas Prestasi DIA-i Global Sukuk (%) secara tahunan			
	Terbaik	Asas	Terburuk
Peruntukan Aset Pelaburan	50% Aset Pembiayaan 50% Sukuk	50% Aset Pembiayaan 50% Sukuk	50% Aset Pembiayaan 50% Sukuk
Kadar Keuntungan Kasar (p.a.)	4.55%	4.30%	2.15%

PENYATAAN PENDEDAHAN RISIKO**Apakah risiko utama yang dikaitkan dengan DIA-i Global Sukuk?**

Walau apa pun Bank harus menekankan ke atas strategi dan kawalan pelaburan risiko selari dengan objektif pelaburan DIA-i Global Sukuk bagi memastikan ketaktentuan yang lebih rendah dan pulangan yang stabil, pelanggan harus mengetahui pelbagai faktor risiko yang dikaitkan dengan produk ini seperti berikut:

1. Risiko kerugian modal - sebarang pelaburan membawa risiko pengurangan dalam nilai modal yang dilaburkan. Oleh itu, Bank dan pengurus dana luaran yang dilantikanya hanya akan melaburkan DIA-i Global Sukuk di dalam aset yang dipelbagaikan menurut objektif pelaburan yang dirancang serta atribut risiko dan menggunakan keputusan pelaburan yang munasabah.
2. Risiko Pasaran - Aset yang dilaburkan adalah tertakluk kepada turun naik kadar pasaran, yang boleh memberi impak terhadap pulangan DIA-i Global Sukuk yang dijangka. Risiko ini akan diuruskan oleh Bank dan pengurus dana luaran yang dilantikanya menurut piawaian pengurusan pelaburan yang baik.
3. Risiko Kredit - Risiko ini boleh timbul apabila jumlah aset DIA-i Global Sukuk yang besar menjadi gagal. Perkara ini akan diuruskan oleh Bank dengan pilihan berhemat portfolio aset yang dipelbagaikan dan pemeriksaan rapi terhadap prestasi aset terpilih.
4. Risiko Keputusan Pelaburan - Risiko ini berlaku sekiranya peruntukan aset untuk dilaburkan tidak selari dengan pergerakan pasaran. Oleh itu, pemilihan yang teliti dan tadbir urus yang sesuai harus digunakan oleh Bank dan pengurus dana luaran yang dilantikanya dalam proses membuat keputusan.
5. Risiko Tidak Patuh Pengawalseliaan - Situasi tersebut berlaku apabila pelaburan gagal mematuhi parameter pelaburan yang ditetapkan oleh pengawal atur berkaitan. Risiko ini akan diuruskan oleh Bank dan pengurus dana luaran yang dilantikanya menurut keseluruhan polisi dan prosedurnya.
6. Risiko Tidak Patuh Syariah - Kegagalan untuk mematuhi fatwa Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia ("BNM") atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (jika berkaitan) atau badan global yang berkaitan boleh menyebabkan pelanggaran. Keadaan tersebut harus diseliasa dengan rapi oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
7. Risiko Negara - Kestabilan politik dan ekonomi negara boleh mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi aset pelaburan.
8. Risiko Industri/Sektor - Setiap industri/sector terdedah kepada pelbagai elemen risiko. Oleh itu, kepelbagaian dan pemilihan secara berhati-hati terhadap pendedahan industri/sector adalah amat penting terhadap Bank dalam menguruskan risiko tersebut.
9. Risiko Tertentu Sekuriti - Harga sekuriti tertentu boleh turun naik sebagai tindak balas terhadap situasi yang mempengaruhi syarikat individu seperti prestasi kewangan buruk, berita kemungkinan penggabungan atau kehilangan kakitangan penting dalam sebuah syarikat. Sebarang pergerakan harga buruk bagi sekuriti ini akan menjejaskan NAV DIA-i Global Sukuk dengan agak buruk.
10. Risiko Tertentu Syarikat - Risiko tertentu terhadap sekuriti patuh Syariah oleh syarikat terpakai kerana terdapat keadaan yang buruk atau sentimen negatif di mana syarikat boleh terdedah secara unik, sama ada dari pandangan isu pengurusan, asas perniagaan yang merosot atau kehilangan daya saing. Sebagai akibatnya, harga aset Sukuk oleh syarikat tersebut mungkin jatuh dan seterusnya mempengaruhi prestasi DIA-i Global Sukuk. Impak syarikat tertentu boleh berkurang kerana DIA-i Global Sukuk melabur dalam portfolio pelaburan yang luas dan terdiri daripada sekuriti patuh Syariah yang dikeluarkan oleh pelbagai syarikat lalu memperluas elemen risiko ini melalui kepelbagaian tersebut.
11. Risiko Kadar Keuntungan - Ini merujuk kepada risiko bahawa nilai pelaburan DIA-i Global Sukuk boleh menurun secara am akibat gerakan kadar keuntungan masa hadapan. Risiko kadar keuntungan secara khususnya ditanggung oleh aset yang membawa keuntungan, seperti instrumen pasaran wang patuh Syariah. Sekiranya aset yang membawa keuntungan dipegang sehingga matang, perubahan kadar

keuntungan tidak akan mempengaruhi hasil aset yang membawa keuntungan. Namun begitu, pelabur harus mengetahui bahawa sama ada DIA-i Global Sukuk akan menyimpan sebarang aset yang membawa keuntungan sehingga matang akan bergantung pada perubahan sebenar dan dijangka dalam kadar keuntungan.

Pengurus akan cuba mengurangkan risiko kadar keuntungan DIA-i Global Sukuk dengan menguruskan struktur tempoh aset yang membawa keuntungan menurut pandangan Pengurus terhadap trend kadar keuntungan masa hadapan. Apabila kadar keuntungan dijangka meningkat, DIA-i Global Sukuk akan bertukar kepada aset yang membawa keuntungan dengan tempoh lebih singkat dan kurang sensitif terhadap perubahan kadar keuntungan.

12. Risiko Kecairan - Risiko kecairan mungkin timbul akibat kesukaran untuk mencairkan kedudukan pelaburan portfolio yang disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk kekurangan jumlah dagangan di pasaran. Ia boleh berlaku apabila DIA-i Global Sukuk memegang sekuriti yang didagangkan dengan sedikit, atau apabila DIA-i Global Sukuk mengalami penebusan besar yang seterusnya, akan memerlukan penjualan sekuriti pada waktu apabila harga yang tidak menguntungkan disebabkan contohnya, kekurangan pembeli dalam pasaran pada harga sebenar atau diingini atau keadaan pasaran yang tidak menguntungkan.
13. Risiko Pembiayaan - Nilai DIA-i Global Sukuk turun naik menurut nilai portfolio pelaburan sandaran. IAH harus menilai dan memahami risiko melabur terwujud ini dengan wang yang dibiayai termasuk (i) kemampuan untuk melakukan bayaran pembiayaan dan peningkatan dalam kadar keuntungan bayaran pembiayaan dan (ii) kemampuan untuk memberi cagaran tambahan sekiranya nilai portfolio pelaburan sandaran jatuh dalam sesetengah peringkat.
14. Risiko Matawang - Disebabkan pelaburan dalam aset Sukuk boleh didenominasi dalam matawang selain matawang asas Ringgit Malaysia, sebarang turun naik dalam kadar pertukaran di antara matawang asas dan matawang di mana pelaburan didenominasikan boleh mempunyai impak ke atas nilai pelaburan ini.
15. Risiko Operasi - Perkara ini boleh berlaku dan timbul akibat kekurangan dalam sistem maklumat atau kawalan dalaman yang tidak mencukupi sama ada berkaitan faktor manusia, kegagalan sistem, proses atau daripada peristiwa luaran. Namun begitu, Bank dan pengurus dana luaran yang dilantiknya adalah menurut piawaian pengurusan pelaburan yang baik.

“Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan”

BAYARAN DAN CAJ

Apakah bayaran dan caj yang terlibat?

Bayaran dan Caj	Huraian
Bayaran Wakalah (Bayaran Pengurusan Tahunan)	<ul style="list-style-type: none"> • Individu, SME/BBs: 1.00% setahun daripada NAV • Institusi/Korporat: 0.50% setahun daripada NAV
Caj Jualan	<ul style="list-style-type: none"> • Semua golongan: 0.50% daripada jumlah pelaburan berdasarkan NAV pada waktu jualan
Bayaran Pemegang Amanah Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • Semua golongan: 0.05% setahun daripada NAV
Bayaran Penebusan	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada

PENILAIAN

- DIA-i Global Sukuk akan dinilai sekurang-kurangnya satu kali setiap hari perniagaan. Penilaian DIA-i Global Sukuk akan dijalankan dalam cara yang saksama dan tepat. DIA-i Global Sukuk akan dinilai pada **5.30 petang setiap hari perniagaan**.
- IAH boleh mendapatkan prestasi DIA-i Global Sukuk daripada laman web DIA-i Global Sukuk (www.maybank2u.com.my) dalam masa dua (2) hari perniagaan berikutnya.

Instrumen Pelaburan	Asas penilaian
Sekuriti Boleh Dipasarkan (Sukuk)	<p>Harga pasaran. Namun begitu, jika:</p> <p>(a) penilaian berdasarkan harga pasaran tidak mewakili nilai saksama sekuriti, contohnya semasa keadaan pasaran tidak normal; atau</p> <p>(b) harga pasaran tidak tersedia, termasuk sekiranya berlaku penggantungan dalam sebut harga sekuriti untuk tempoh melebihi 14 hari,</p> <p>maka sekuriti akan dinilai pada nilai saksama, seperti yang ditetapkan secara tulus oleh pengurus dana luaran.</p>
Aset pembiayaan	<p>Bank akan menjalankan penilaian dalam aset pembiayaan menurut Piawain Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) yang akan dijalankan secara bulanan. Pulangan bersih daripada aset pembiayaan akan mengambil kira hasil kasar portfolio aset pembiayaan dan peruntukan kemerosotan yang dilampirkan kepadanya.</p> <p>Bagi tujuan pengiraan NAV harian, keuntungan daripada pembiayaan akan terakru secara harian.</p>

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Apa yang saya perlukan jika terdapat perubahan dalam butiran perhubungan saya?

- Amat penting supaya anda memberitahu kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat diterima oleh anda tepat pada masanya.

Siapa yang saya perlu hubungi untuk maklumat lanjut atau membuat aduan?

- a. Bagi pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi :
- (i) Melalui Talian Penting Penjagaan Pelanggan : 1-300-88-6688 (Malaysia)
+603-78443696 (Luar negara)
 - (ii) Melalui e-mel : mgcc@maybank.com.my
- Untuk butiran perhubungan, sila rujuk laman web Maybank2u (www.maybank2u.com.my) atau laman web Maybank Islamic (www.maybank.com/islamic)
- b. Jika anda tidak berpuas hati dengan hasil proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada BNM TELELINK
- (i) Melalui telefon kepada : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
 - (ii) Melalui faks kepada: +603-2174-1515
 - (iii) Melalui e-mel kepada: bnmtelelink@bnm.gov.my
 - (iv) Melalui surat kepada: Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur

AMARAN

PULANGAN KE ATAS AKAUN PELABURAN INI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET SANDARAN. WANG POKOK DAN PULANGAN ADALAH TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MENERIMA SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DITEBUS DENGAN AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN DALAM SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH WANG POKOK YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”).

Maklumat yang diberi di dalam helaian pendedahan ini adalah sah setakat [tarikh 22 April 2024]